

Korea diminta sokong cadangan persidangan tentukan takrif keganasan

BH 24 MAY 2002

SEOUL, Khamis - Malaysia meminta Korea Selatan menyokong cadangannya supaya diadakan segera satu persidangan antara-bangsa mengenai isu keganasan bagi menentukan takrifnya yang sebenar.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata persidangan itu penting bagi membolehkan isu berkenaan dibincangkan secara menyeluruh bagi mengenal pasti cara terbaik menyelesaikan dan menghapuskannya.

Berucap pada jamuan negara yang diberikan oleh

Presiden Kim Dae-Jung di Rumah Biru untuk merai-kannya sini, malam ini, Dr Mahathir berkata, ada keperluan segera bagi definisi yang jelas mengenai keganasan kerana ia akan membolehkan dibuat perbezaan antara pejuang kebebasan tulen dengan mereka yang berniat jahat serta berjuang sematamata kerana digerakkan rasa tidak puas hati.

"Dalam hubungan ini, Malaysia sekali lagi meminta satu persidangan antarabangsa mengenai keganasan diadakan segera.

"Malaysia berharap Re-

publik Korea boleh membantu menyuarakan dan menyokong persidangan seumpama itu supaya perkara itu dapat dibincangkan secara menyeluruh bagi mendapatkan cara terbaik untuk menyelesaikan dan menghapuskannya," katanya.

Dr Mahathir berkata, walaupun usaha memerangi keganasan adalah keutamaan kepada semua negara, tetapi ia tidak seharusnya dikembangkan bagi meliputi agenda lain.

Perdana Menteri juga menyatakan pentingnya negara Asia Timur bekerja

sama dan melakukan perubahan terhadap rangka kerja kewangan antara-bangsa bagi memastikan negara di rantau ini dapat menangani berkesan cabaran globalisasi dan pengaliran dana tidak menentu.

Dr Mahathir yang turut melahirkan penghargaan kepada kerajaan Korea kerana menyokong Dasar Pandang Ke Timur yang diamalkan Malaysia, yakin Korea akan menerima lebih ramai rakyat Malaysia memasuki universitinya.

"Dasar Pandang Ke Timur adalah komponen amat penting dalam hubu-

ngan kami dengan Republik Korea," katanya.

Perdana Menteri yang tiba semalam bagi lawatan rasmi tiga hari ini ke negara ini, pada sebelah pagi meletakkan kalungan bunga di Tugu Peringatan.

Beliau kemudian mengadakan perbincangan dengan Presiden Kim Dae Jung di Rumah Biru, diikuti dengan rundingan peringkat delegasi.

Pada tengah hari beliau menemui ahli perniagaan Korea Selatan, di samping menyaksikan majlis menandatangani tujuh memorandum persefahaman an-

tara syarikat dan institusi Malaysia dengan Korea Selatan.

Pada sebelah petang, Perdana Menteri melawat Pusat Pembangunan dan Penyelidikan Hyundai Motor di Gyeonggi-do.

Esok, Dr Mahathir dan rombongan akan melawat LG Chemical Investment dan Satellite Technology Research Centre Initiative (SaTReCI rpt SaTReCI), kedua-duanya di Daejeon sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur dari Lapangan Terbang Antarabangsa Chongju dengan jet eksekutif pada tengah hari.